



يونيسزا سلطان زين العابدين
UNISZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



Pejabat Pendaftar | Office of The Registrar

Rujukan Kami : UniSZA. 500-9/6/7 (1)
Bertarikh : 18 Disember 2023
Bersamaan : 5 Jamadilakhir 1445H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Universiti

YBhg. Dato'/Prof./Dr./ Tuan/ Puan,

HEBAHAN PENGURUSAN KES POSITIF COVID-19

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Universiti **Bil 47/2023** bertarikh **18 Disember 2023** dalam mesyuaratnya telah mengambil maklum mengenai Kenyataan Media Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 11 Disember 2023 dan Hebahan KKM berkaitan Pengurusan Kes Positif COVID-19.

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato'/Prof./Dr./ Tuan/ Puan dimohon untuk menghebahkan perkara ini kepada staf PTj masing-masing. Semoga perkara ini berada dalam perhatian, makluman dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Prof./Dr./ Tuan/ Puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Ilmu dan Akhlak"

Saya yang menjalankan amanah,

MUZAFAR BIN MOHD DIN
Pendaftar

s.k - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor

KERTAS PEMAKLUMAN PENGURUSAN KES POSITIF COVID-19 MERUJUK HEBAHAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pemakluman terhadap Pengurusan Kes Positif COVID-19 merujuk Kenyataan Media Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertarikh 11 Disember 2023 dan Hebahan KKM berkaitan Pengurusan Kes Positif COVID-19 bagi staf Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Pihak KKM memaklumkan bahawa terdapat peningkatan jangkitan COVID-19 di Malaysia pada Minggu Epidemiologi ke-48 (ME 48/2023) bertarikh 26 November-02 Disember 2023 sebanyak 6,796 kes telah dilaporkan berbanding dengan 3,626 kes yang dilaporkan pada ME 47/2023 (19 November 2023 – 25 November 2023).

Kertas Pemakluman ini juga menjelaskan inisiatif pihak universiti dalam perkongsian berkaitan pengurusan kes positif COVID-19 dengan merujuk Hebahan KKM seperti dilampiran A.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

- i. Staf UniSZA positif COVID-19 perlu merekodkan keputusan ujian saringan dalam aplikasi MySejahtera dan mematuhi *Home Surveillance Order (HSO)* yang ditetapkan.
- ii. Staf UniSZA hendaklah menghantar keputusan ujian saringan dan arahan kuarantin kepada Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj) untuk diperakukan.
- iii. Staf UniSZA juga perlu menghantar kepada urus setia e-Masa di PTj masing-masing untuk direkodkan sebagai Cuti Kuarantin. Tempoh *HSO* adalah selama **lima (5) hari** dari **tarikh bermula bergejala**.
- iv. Staf UniSZA dinasihati untuk mengambil langkah-langkah pencegahan **selepas lima (5) hari** dari tempoh *HSO* sehingga hari **ke 10** sepertimana yang disarankan oleh pihak KKM.

RUJUKAN

- i. *Kenyataan Media KKM bertarikh 11 Disember 2023*
- ii. *Hebahan KKM berkaitan Pengurusan Kes Positif COVID-19*



TARIKH KUAT KUASA

Kertas Pemakluman ini berkuat kuasa kepada staf UniSZA mulai tarikh dikeluarkan.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PENGURUSAN KES POSITIF COVID-19



- Tempoh HSO* adalah selama **5 hari** dari **tarikh bermula gejala**
- HSO* diberikan melalui MySejahtera



Dilepaskan dari HSO* selepas 5 hari, namun perlu mengambil langkah-langkah pencegahan sehingga hari ke-10:



Memakai pelitup muka ketika keluar dari rumah



Elakkan berada di tempat yang sesak



Elakkan melawat kumpulan berisiko tinggi



Membuat perjalanan yang perlu sahaja



Sentiasa mencuci tangan dengan sabun atau *hand sanitizer*



LAMPIRAN B



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-50 TAHUN 2023 (ME 50/2023) 18 DISEMBER 2023

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia pada ME 50/2023 dari 10 Disember 2023 hingga 16 Disember 2023 (jam 12:00 tengah hari);
 - **Kes baharu : 20,696 kes**, iaitu peningkatan sebanyak 62.2% berbanding dengan jumlah kes yang dilaporkan pada ME 49/2023. Majoriti (97%) lagi adalah kategori 1 dan 2.
 - **Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : 151 kes** dimana 96 kes memerlukan **alat bantuan pernafasan**; dan
 - **Kes kematian** sebanyak **28 kes** dengan kadar kematian 0.1%. Kematian tertinggi adalah di kalangan kes yang berumur 60 tahun ke atas (85%) dan yang mempunyai komorbiditi (93%).



LAMPIRAN B

2. Maklumat terperinci lain berkenaan situasi semasa jangkitan dan penularan COVID-19 di Malaysia akan dimuatnaik ke laman web KKMNOW di <https://data.moh.gov.my>. Data akan dikemaskini secara mingguan.
3. Malaysia kini sedang menghadapi peningkatan kes COVID-19 yang mendadak. KKM berharap agar situasi ini dapat ditangani tanpa perlu mengulangi sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berlaku pada awal pandemik COVID-19.
4. Bagi menghadapi lonjakan kes COVID-19 ketika ini, KKM telah memperkukuhkan **Pelan Pengurusan COVID-19** melalui lima (5) strategi utama iaitu:
 - **Strategi 1:** Pengesanan awal kes COVID-19 dan varian SARS-CoV-2;
 - **Strategi 2:** Pemeraksanaan komuniti melalui amalan TRIIS (*Test, Report, Isolate, Inform, dan Seek*);
 - **Strategi 3:** Pemantauan fasiliti kesihatan, pengurusan dan kawalan kes COVID-19 terutamanya untuk melindungi golongan berisiko tinggi;
 - **Strategi 4:** Pemeraksanaan komuniti melalui komunikasi risiko yang berkesan; dan
 - **Strategi 5:** Pendigitalan sistem kesihatan dalam pengurusan pandemik melalui aplikasi MySejahtera.



LAMPIRAN B

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Di samping melaksanakan strategi di atas, KKM juga menyarankan orang ramai supaya sentiasa mengamalkan langkah-langkah pencegahan seperti berikut:

- **Elakkan 3S:** Elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat.
- **Amalkan 3W:** Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**.
- Sentiasa memakai pelitup muka di kawasan awam yang tertutup. Pemakaian pelitup muka adalah amat digalakkan.
- Sentiasa mengekalkan tahap kebersihan diri yang tinggi, kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau pensanitasi;
- Bagi yang bergejala, digalakkan melakukan penilaian sendiri tahap kesihatan serta dinasihatkan agar tidak hadir ke mana-mana kawasan yang sesak dan menjadi tumpuan ramai;
- Segera berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan bagi mendapatkan rawatan lanjut sekiranya gejala bertambah teruk;
- Menggalakkan pengambilan vaksin COVID-19 dos tambahan terutama kepada golongan yang berisiko tinggi; dan



LAMPIRAN B

- Mendapatkan rawatan antiviral Paxlovid di Klinik Kesihatan atau pengamal perubatan swasta terdekat bagi individu positif COVID-19 dan berisiko tinggi.

Secara keseluruhan, walaupun terdapat peningkatan kes COVID-19 yang dilaporkan, keadaan semasa di Malaysia masih dalam keadaan terkawal dan tidak membebankan fasiliti kesihatan sedia ada.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus memantau situasi COVID-19 dan varian berkaitan di dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly Ahmad

Menteri Kesihatan

18 Disember 2023 @ 4:00 petang